

TEKS UCAPAN ALUAN
YBHG. DATO' PROF. DR. AHMAD FARHAN MOHD SADULLAH
NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
SEMPENA
SAMBUTAN HARI THALASSAEMIA SEDUNIA PERINGKAT
KEBANGSAAN 2024

17 OGOS 2024 (Sabtu)
6:30 PAGI – 1.00 PETANG
LOBI UTAMA, HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (HSAAS)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berhormat,

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia

Yang Berusaha,

Prof. Madya Dr. Nor Fadhlina binti Zakaria,

Timbalan Pengarah (Klinikal) mewakili Pengarah Hospital Sultan Abdul Aziz Shah UPM

Yang Berbahagia,

Prof. Dr. Normala binti Ibrahim,

Dekan Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, UPM

Yang Berusaha,

Dr. Muhammad Zaid bin Abu Bakar,

Pengarah Program Hari Thalassemia Sedunia peringkat Kebangsaan 2024

Yang Berusaha,
Prof. Madya Dr. Anita binti Abd Rahman,
Ketua Unit Kesihatan Awam HSAAS

Yang Berusaha,
Puan Khoo Swee Hong,
Presiden Persekutuan Pertubuhan Thalassaemia Malaysia

Yang Berusaha,
En. Abdul Razak bin Mahmood,
Presiden Persatuan Thalassaemia Selangor

Timbalan-Timbalan Pengarah, Pegawai Kanan Dan Penaja - Penaja
sempena Sambutan Hari Thalassemia Sedunia Peringkat Kebangsaan
2024 dan Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Malaysia Madani.**

1. Pertama sekali saya ingin memanjatkan rasa syukur dan mendoakan agar kita sentiasa dalam lindungan dan rahmat daripada Allah S.W.T kerana, dengan limpah kurnianya maka kita diberikan luangan waktu, kesempatan dan dianugerahkan kesihatan yang baik untuk kita dapat berkumpul dalam satu majlis yang mulia ini.

2. Disini saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan tahniah kepada para penganjur iaitu Unit Kesihatan Awam Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Persekutuan Pertubuhan Thalassaemia Malaysia dan Persatuan Thalassaemia Selangor yang sangat aktif dalam penganjuran program berunsurkan pendidikan serta kesedaran terhadap kepentingan menjaga kesihatan khususnya penyakit Thalassaemia.

3. Kesempatan ini juga, saya berbesar hati mengalukan kehadiran para penaja korporat yang terlibat iaitu Menteri Besar Incorporated Selangor (MBI), Thalassaemia Association Malaysia, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM, Pharmaniaga, Farm Fresh, My Thal Club, Nixoderm, Setia, Rizal Trophy dan Cryocord atas tajaan dan sokongan untuk kelancaran program kita pada pagi ini. Tidak dilupakan pembabitan warga HSAAS dan UPM, pelajar-pelajar dari SMK Seri Indah dan SMK Seri Puteri serta Thalassaemia `survivor`, di mana kehadiran anda pada pagi ini cukup memberi makna dalam membuktikan bahawa semangat inilah yang harus dipupuk bagi mempertingkatkan kesedaran serta memperkasakan gaya hidup sihat masyarakat setempat.

Hadirin yang dirahmati sekalian,

4. Sambutan Hari Thalassaemia Sedunia Peringkat Kebangsaan 2024 julung kali diadakan di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah UPM, bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat Malaysia mengenai kepentingan menjalani ujian Thalassaemia di peringkat

awal agar penjagaan kesihatan dan rawatan yang berterusan dapat dilaksanakan kepada pesakit-pesakit Thalassaemia. Dengan tema "Memperkasakan Kehidupan, Mendukung Kemajuan: Rawatan yang Saksama dan Mudah Dicapai" ia amat bertepatan dalam usaha bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya akses rawatan yang saksama dan strategi secara kolaboratif yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan akses kepada rawatan yang optima bagi mereka yang menghidap penyakit Thalassaemia.

5. Penglibatan keseluruhan masyarakat kita di dalam mencegah penyakit Thalassaemia ini amatlah perlu. Penglibatan dan sokongan daripada Persekutuan Pertubuhan Thalassaemia Malaysia, Persatuan Thalassaemia Selangor dan lain-lain persatuan Thalassaemia di Malaysia juga amat penting dalam memberi dorongan kepada penghidap Thalassaemia agar mereka dapat meneruskan kehidupan yang sempurna. Universiti Putra Malaysia melalui Hospital Sultan Abdul Aziz Shah sentiasa komited dan menyokong program-program berkaitan Thalassaemia.

Hadirin sekalian,

6. Program seperti ini dapat menyediakan satu platform di mana masyarakat dan pesakit boleh mendapat maklumat tentang penyakit Thalassaemia, kepentingan saringan Thalassaemia terutamanya di peringkat sekolah dan gaya hidup sihat seperti Thalassaemia Fun Run.

7. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan setinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Sambutan Hari Thalassaemia Sedunia Peringkat Kebangsaan 2024 iaitu Unit Kesihatan Awam Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dengan kerjasama Persekutuan Pertubuhan Thalassaemia Malaysia dan Persatuan Thalassaemia Selangor. Selain itu, tahniah juga kepada agensi-agensi, NGO dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di atas penganjuran program ini. Semoga dengan usaha kecil kita hari ini menjadi asbab untuk kita untuk memberi kesedaran kepada semua pesakit dan juga masyarakat umum.

Sekian, Wabillāhi al-taufiq wa al-hidāyah wa al-salāmu'alaikum wa rahmatullāhi wabarakātuh, terima kasih.